

98,588 VCD haram, lucah dirampas dalam operasi

UM 10 JUN 2003

KUALA LUMPUR 9 Jun — Operasi bersepadu besar-besaran membanteras pengedaran dan penjualan cakera padat video (VCD) haram dan lucah semalam menyaksikan sebanyak 98,588 keping VCD dirampas di seluruh negara.

Menurut Penguasa Perhubungan Awam Bukit Aman, Supritendan Jamshah Mustapa, dalam operasi itu juga, sebanyak 199 orang ditahan kerana menjalankan kegiatan tersebut.

Katanya, Johor mencatatkan jumlah rampasan tertinggi iaitu 62,447 keping VCD, diikuti Pahang (15,118) dan Negeri Sembilan (9,766).

"Dilihat dari segi tangkapan pula, Kedah mencatatkan jumlah tangkapan tertinggi iaitu 105 orang, diikuti Sarawak (47) dan Pahang (39)," katanya dalam satu kenyataan, di sini hari ini.

Operasi bersepadu itu dilancarkan setelah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melahirkan kekecewaan terhadap kegiatan pengedaran dan penjualan VCD haram dan lucah yang berlaku secara berleluasa di negara ini.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai sebelum ini menyifatkan operasi membanteras penjualan dan pengedaran VCD lucah dan haram oleh pihak berkuasa sejak 26 Mei lalu berjaya melumpuhkan kegiatan haram itu.

Beliau berkata, sasaran tersebut dicapai memandangkan hampir kesemua serbuan dan operasi yang dilakukan di seluruh negara telah membawa kejayaan yang besar.

Menurut Jamshah, dalam operasi semalam, polis turut merampas sebanyak 17,318 buah mesin slot judi dan menahan 133 orang yang menjalankan kegiatan tersebut di seluruh negara.

"Kita juga telah menangkap seramai 206 pelacur dan 156 pengedar dan penagih dadah di dalam operasi yang sama semalam," ujarnya.

Katanya, walaupun secara amnya operasi tersebut telah berakhir pada tarikh berkenaan, operasi akan tetap dijalankan seperti biasa bagi memastikan kegiatan itu tidak muncul lagi.

Sementara itu, Pengarah Operasi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Firdus Zakaria berkata, walaupun sebelum ini pengedaran dan penjualan VCD lucah dan haram mencapai lebih 80 peratus daripada sasaran, tetapi pihaknya masih perlu melumpuhkan saki baki kegiatan itu.

Jelasnya, sehingga semalam, sebanyak 457,138 keping VCD bernilai hampir RM4 juta telah dirampas di seluruh negara.